

EDISI 2023

Buletin FKA

Pengajian Kejuruteraan Awam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

eISSN 2716-6325



9 772716 632004


Diterbitkan pada 15 Oktober 2024

PERKONGSIAN ILMU BERSAMA PIHAK INDUSTRI: REKABENTUK SISTEM RAWATAN AIR SISA

Salina Alias dan Amir Khomeiny

Pada 12 Jun 2023 telah berlangsung sesi perkongsian ilmu bersama pihak industri berkenaan rekabentuk sistem rawatan air sisa bagi subjek Rekabentuk Infrastruktur Rawatan Air dan Air Sisa (CEW555) secara dalam talian. Pada sesi tersebut, seorang jurutera awam yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan Malaysia, iaitu Ir. Ts. Akhtar Nurfitri bin Mat Zain telah dijemput bagi memberi penerangan sistem rawatan air sisa bagi pelajar-pelajar semester 8 yang mengambil kursus berkenaan. Ir. Ts. Akhtar Nurfitri yang kini dipinjamkan ke Kementerian Pertahanan dari Jabatan Kerja Raya mempunyai pengalaman yang luas dalam merekabentuk sistem rawatan tersebut. Beliau turut terlibat secara aktif memberi seminar dan kursus pendek dalam bidang berkenaan.

Penceramah telah memulakan sesi dengan menerangkan tujuan sebenar rawatan air sisa dalam mendepani cabaran pengurusan air ke arah kemapanan alam sekitar. Pada masa lalu, tiada sistem rawatan air sisa yang sistematik, dan kebanyakan air sisa dilepaskan terus ke alam sekitar tanpa sebarang rawatan. Kini, pelbagai transformasi dari segi teknologi dan peraturan yang lebih ketat, sistem rawatan air sisa telah berkembang menjadi lebih sistematik dan terancang bagi mengurangkan pencemaran dan memberi manfaat kepada kelestarian alam sekitar. Garis panduan yang perlu dipatuhi yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib iaitu Malaysian Sewerage Industri Guideline (MSIG) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang perlu dititik beratkan dalam rekabentuk dan pembinaan. Garis panduan ini penting untuk memastikan reka bentuk dan pembinaan sistem pembetungan mematuhi standard keselamatan dan keberkesanan.



Webinar ini bukan sahaja memberi pendedahan rekabentuk sistem air sisa malah ia memenuhi keperluan akreditasi bagi sesebuah program kejuruteraan. Secara keseluruhannya, Sesi perkongsian dari pihak industri ini telah berjaya memberi pendedahan yang berguna kepada para pelajar. Penekanan yang diberikan terhadap pentingnya rawatan air sisa dan pematuhan kepada garis panduan yang ditetapkan jelas menunjukkan betapa pentingnya sistem pembetungan yang efektif dalam menjamin kelestarian alam sekitar.